

D429

U B496 DEB

MAHATHIR (ULANGAN - MEMBETULKAN PARA TIGA)

I

KUALA LUMPUR, 19 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA NEGARA-NEGARA ASIA HENDAKLAH BERTINDAK SECARA BERSAMA BAGI MENDAPATKAN PELABURAN DAN MODAL DARI EROPAH BARAT DAN AMERIKA SYARIKAT YANG KINI MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIANNYA KEPADA EROPAH TIMUR DAN RUSIA.

+MEMANGLAH TERDAPAT BANYAK PELUANG DI EROPAH TIMUR DAN JIKA NEGARA-NEGARA ITU HANYA MENUMPUKAN PERHATIAN KE SANA, MEREKA TIDAK BOLEH MEMBERI PERHATIAN KE SINI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERCAKAP PADA +PERSIDANGAN KEMUNCAK MELALUI SATELIT+ YANG TURUT DISERTAI OLEH PRESIDEN CORY AQUINO DARI FILIPINA, PERDANA MENTERI KOREA SELATAN, KANG YOUNG HOON (MEWAKILI PRESIDEN ROH TAE WOO), MENTERI LUAR INDIA INDER GUJVAL (MEWAKILI PERDANA MENTERI V.P SINGH) DAN PERDANA MENTERI PAKISTAN PUAN BENAZIR BHUTTO.

MEREKA TELAH MENJAWAB PELBAGAI SOALAN OLEH WARTAWAN-WARTAWAN TERKEMUKA DARI ASIA PADA PERSIDANGAN ITU, YANG MERUPAKAN SIARAN LANGSUNG YANG PERTAMA KALI DIANJURKAN OLEH YAYASAN AKHBAR ASIA YANG KINI MENGADAKAN +PERHIMPUNAN SATU ASIA+ KALI KEEMPAT DI MANILA. -- LAGI.

1536MST 19 02 90

U B492 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR MAHATHIR YANG MENYERTAI PROGRAM ITU DARI ANGKASAPURI, KEMUDIAN MEMBERITAHU WARTAWAN MALAYSIAN BAHAWA HANYA SEJUMLAH WANG TERTENTU DISEDIAKAN UNTUK PELABURAN. OLEH ITU AKAN TIMBUL PERSAINGAN DARI EROPAH TIMUR UNTUK MENDAPATKAN PELABURAN EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT ITU.

BELIAU MENYEBUT PERSIDANGAN MENTERI ASEAN-EC DI KUCHING MINGGU LEPAS SEBAGAI CONTOH YANG MENUNJUKKAN EROPAH BARAT TIDAK MEMBERI PERHATIAN KEPADA BAHAGIAN DUNIA SEBELAH SINI.

+BANYAK DARIPADA MENTERI LUAR NEGARA (EROPAH) YANG KUAT TIDAK MENGHADIRI MESYUARAT TERSEBUT DAN INI MENUNJUKKAN YANG MEREKA TERLALU SIBUK DENGAN EROPAH TIMUR+ KATANYA.

DR MAHATHIR YANG BEBERAPA KALI MENDAPAT TEPUKAN PENONTON YANG MENGIKUTI SIARAN ITU DARI MANILA ATAS JAWAPAN-JAWAPANNYA YANG BERNAS, JUGA BERKATA BELIAU MENGANGGAP TUMPUAN PERHATIAN DUNIA BARAT KEPADA PERKEMBANGAN DI EROPAH TIMUR, SEBAGAI ANCAMAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI ASIA KERANA BAGINYA EROPAH TIMUR BUKAN PELUANG EKONOMI.

+MEMANDANGKAN HUBUNGAN MEREKA (EROPAH BARAT) YANG LEBIH DEKAT DAN KEARIFAN MEREKA MENGENAI EROPAH TIMUR, MEREKA AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KEADAAN ITU... SEDANGKAN KAMI JAUH DAN TIDAK SEARIF MEREKA.+ -- LAGI.

1523MST 19 02 90

U B495 DEB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+DENGAN TUMPUAN MEREKA (KE EROPAH TIMUR), MEREKA AKAN MENGENEPIKAN HUBUNGAN MEREKA DENGAN NEGARA MEMBANGUN LAIN,+ TAMBAH BELIAU.

DR MAHATHIR MENDAPAT TEPUKAN PERTAMA DARIPADA HADIRIN DI MANILA APABILA BELIAU MENCABAR SALAH SEORANG YANG BERTANYA MENGENAI BAHAYA MENCAMPURKAN AGAMA DENGAN KERAJAAN AWAM.

KATANYA, DI MALAYSIA, KEBANYAKAN ORANG TAAT KEPADA AGAMA DAN PANDANGAN MEREKA SUDAH TENTU AKAN MEMBERI KESAN KEPADA DASAR-DASAR NEGARA.

SOALNYA, KATA BELIAU, IALAH BAGAIMANA HENDAK MENGENDALIKAN PANDANGAN GOLONGAN EKSTRIMIS. +DALAM APA HAL PUN, SAMA ADA SESEORANG ITU MENDENGAR ATAU TIDAK, TIDAK ADA JAMINAN BAHAWA TIDAK AKAN ADA KONFLIK JIKA AGAMA DIASINGKAN DARIPADA KERAJAAN SEKULAR.+

PERDANA MENTERI BERKATA PENDAPAT BAHAWA PEMERINTAHAN HENDAKLAH DIASINGKAN DENGAN AGAMA, ADALAH PENDAPAT BARAT TETAPI BELIAU TELAH MEMILIH TAKRIF TIMUR BAGI NILAI ITU.

+JIKA KITA BERLAINAN DENGAN BARAT, INI TIDAK BERERTI KITA SUDAH SILAP. KITA TIDAK SEPATUTNYA DIKUASAI SEPENUHNYA OLEH PEMIKIRAN BARAT DAN INI TIDAK BERERTI KITA SENTIASA SILAP,+ KATANYA. -- LAGI.  
1532MST 19 02 90

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PENGERUSI PERSIDANGAN BERNARD KALB, MENARIK PERHATIAN BAHAWA DR MAHATHIR TELAH MENDAPAT TEPUKAN PERTAMA, LALU MEMINTA PUAN AQUINO DAN ENCIK GUJVAL MEMBERI PANDANGAN MEREKA DARIPADA SEGI +ASIA YANG MERDEKA.+

PUAN AQUINO BERKATA MEREKA SUDAH TENTU MAHU BEBAS DARIPADA BARAT TETAPI KATANYA, NEGARA-NEGARA ASIA NAMPAKNYA CENDERUNG UNTUK BERSAING SESAMA MEREKA, MALAM DALAM LINGKUNGAN ASEAN SEKALIPUN.

+SAYA RASA KITA PERLU MENGIMBANGI ANTARA KEMERDEKAAN DENGAN KEPERLUAN UNTUK BEKERJASAMA,+ KATANYA.

ENCIK GUJVAL BERKATA INDIA BERMINAT UNTUK BERKERJASAMA DAN BERBAIK-BAIK WALAUPUN IA MEMPUNYAI CARAK PEMIKIRANNYA SENDIRI. +KAMI BERMINAT UNTUK MEREKUT PELUANG TERUTAMANYA PEMBANGUNAN EKONOMI,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI PENGAJARAN YANG BOLEH DIPELAJARI DARIPADA TAHUN 80-AN KETIKA ASIA MEMASUKI DEKAD 90-AN, DR MAHATHIR BERKATA TAHUN 80-AN MENUNJUKKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI ASIA BOLEH MENELADANI JEPUN, KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN SINGAPURA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI. +DENGAN ERTI KATA LAIN, KITA BOLEH MENCAPAI TAHAP PEMBANGUNAN EKONOMI MEREKA.+ -- LAGI.

1544MST 19 02 90

D438

U B500 DEB

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA DEKAD 80-AN MENUNJUKKAN MEREKA MEMERLUKAN KESTABILAN POLITIK DI SAMPING PEMBANGUNAN EKONOMI. +DARIPADA SEGI INI, KITA MESTI BERHATI-HATI DAN MENGAWAL DIRI SENDIRI (DALAM MENGGUNAKAN KEBEBASAN DALAM SEBUAH NEGARA DEMOKRASI) BAGI KESTABILAN POLITIK.+

DR MAHATHIR MENERIMA TEPUKAN KEDUANYA APABILA BELIAU BERTANYA SEMULA KEPADA PENONTON YANG MENYOALNYA, APA BAIKNYA DEMOKRASI, JIKA RAKYATNYA TIDAK DISIPLIN DALAM MENGGUNAKAN KEBEBASAN MEREKA DAN TERUS MENJATUHKAN KERAJAAN DEMI KERAJAAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA BERCAKAP MENGENAI MASALAH ALAM SEKITAR, SENJATA NUKLEAR DAN MASALAH YANG DITIMBULKAN OLEH PELARIAN VIETNAM MERASAKAN BAHAWA JEPUN, DENGAN LEBIHANNYA YANG SEBEGITU BESAR, PATUT MELABUR LEBIH DI ASIA, SELAIN DARIPADA MEMINDAHKAN INDUSTRI NYA KE RANTAU INI.

MISALNYA, KATA BELIAU, MALAYSIA MEMPUNYAI KEMAMPUAN TERHAD DALAM PERKILANGAN DAN MEMERLUKAN MODAL DAN PELABURAN.

+SEBENARNYA ITULAH YANG SEDANG BERLAKU DI MALAYSIA. LEBIH 25 PERATUS DARIPADA PELABURAN ASINGNYA IALAH DARI JEPUN YANG MEWUJUDKAN PEKERJAAN BARU DAN MEMBAWA KESEJAHTERAAN SECARA KESELURUHANNYA,+ KATANYA.

MENGENAI BERTAMBAH BAIKNYA HUBUNGAN ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN SOVIET UNION, DR MAHATHIR BERKATA IA MENGURANGKAN KETEGANGAN DI RANTAU INI.

+BAGAIMANAPUN, IA TIDAKLAH SEBEGITU BAIK KERANA KITA MEMERLUKAN KESEIMBANGAN ANTARA KEDUA-DUANYA SUPAYA KITA MEMPUNYAI PILIHAN... JIKA TIDAK, KITA AKAN MENERIMA PADAHNYA KALAU ADA APA-APA BERLAKU,+ KATA BELIAU.

-- BERNAMA.